

Penerangan cara memohon Working with Children (WWC) Check di Western Australia (WA).

1

## Anda boleh memohon?

Hanya orang yang melakukan [kerja berkenaan kanak-kanak](#), bergaji, tidak bergaji atau sukarela, tanpa [exemption](#), boleh memohon WWC Check di WA.

2

## Pick up (Dapatkan) borang

Borang permohonan WWC boleh didapati di [cawangan Australia Post yang sah](#). Organisasi anda mungkin dapat memberikan anda borang.

3

## Provide (Berikan) butir-butir diri anda

Isikan butir-butir diri anda dalam borang serta minta organisasi anda tandatangan dan sahkan anda melakukan kerja berkenaan kanak-kanak. Orang yang bekerja sendiri tidak perlukan tandatangan organisasi pada borang mereka.

4

## Lodge (Serahkan) di Australia Post

Serahkan borang yang sudah lengkap di cawangan Australia Post yang sah. Anda perlu bawa dokumen pengenalan diri dan yuran permohonan; gambar pasport akan diambil oleh Australia Post apabila anda menyerahkan borang.

5

## Your receipt (Dengan resit anda), anda boleh mula bekerja

Australia Post akan memberikan resit apabila borang diserahkan. Dalam kebanyakan kes, resit ini membolehkan anda mulakan kerja berkenaan kanak-kanak sementara menunggu keputusan permohonan.

Lihatlah [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au) untuk penerangan lanjut.